Tinjauan Keseluruhan

Keadaan kewangan global menjadi ketat pada separuh kedua tahun 2022 apabila bank-bank pusat utama meningkatkan kadar dasar secara agresif untuk menangani tahap inflasi yang tinggi. Pasaran kekal tidak menentu dalam keadaan ketidakpastian prospek pertumbuhan global dan peralihan jangkaan terhadap dasar monetari. Baru-baru ini, tekanan sistem perbankan di beberapa ekonomi maju telah meningkatkan volatiliti dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti di seluruh dunia. Perkembangan global ini turut menjejaskan pasaran kewangan Malaysia dan menyebabkan pasaran pertukaran wang asing (*foreign exchange*, FX), bon dan wang mengalami volatiliti yang lebih tinggi.

Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran pada separuh kedua tahun 2022 telah meningkat ke tahap yang dicatatkan pada pertengahan tahun 2020 tetapi masih kekal di bawah tahap tertinggi yang dicatatkan pada permulaan pandemik pada bulan Mac 2020. Meskipun volatiliti terus ketara dalam pasaran kewangan domestik, keadaan pasaran kekal teratur dan pengantaraan aliran dua hala dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti berjalan dengan lancar. Keadaan ini telah menyokong pengumpulan dana oleh perniagaan melalui pasaran modal. Mudah tunai dalam pasaran bon kerajaan kekal kukuh. Yang ketara, keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan sebahagian besarnya tidak terjejas oleh penarikan balik fleksibiliti pengawalseliaan yang diberikan semasa pandemik dan tekanan perbankan di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini. Dalam pasaran pertukaran asing, pergerakan ringgit terus dipengaruhi oleh faktor luaran berikutan pertumbuhan global dan prospek inflasi yang berubah-ubah. Pelarasan terhadap ringgit adalah teratur, disokong oleh mudah tunai yang berterusan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri. Keadaan ini akan terus membantu perniagaan dan peserta pasaran untuk menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Sektor perniagaan telah mendapat manfaat daripada pembukaan semula sektor ekonomi yang menyokong perbelanjaan pengguna untuk barangan dan perkhidmatan budi bicara. Keupayaan membayar balik hutang keseluruhan perniagaan kekal kukuh dengan nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) sebanyak 6.0 kali meskipun kelainan pada peringkat sektor dan syarikat terus mencerminkan pemulihan yang tidak sekata. Syarikat dalam beberapa sektor terus menghadapi cabaran berikutan kos input yang ketara lebih tinggi disebabkan oleh gangguan bekalan, perkembangan geopolitik dan nilai ringgit yang lemah. Bahagian syarikat yang berisiko kekal tinggi dan telah meningkat sedikit kepada 25.1% (S2 2022: 24.6%). Walau bagaimanapun, penunjuk berpandangan ke hadapan bank-bank menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan secara relatifnya adalah terbendung. Bahagian pinjaman perniagaan yang mempunyai risiko kredit yang meningkat (pinjaman Tahap 2) terus menurun, manakala bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman, termasuk pinjaman PKS, terus menurun dengan ketara kepada 5.9% daripada jumlah pinjaman perniagaan (Jun 2022: 14.8%). Sebilangan kecil PKS terus menghadapi kesukaran bayaran balik pinjaman berikutan tekanan kos yang lebih tinggi. Hal ini diburukkan lagi oleh penampan PKS yang lebih rendah dan kuasa penetapan harga yang terhad. Walau bagaimanapun, peningkatan pinjaman delinkuen dalam segmen ini kekal seperti yang dijangka oleh bank-bank. Pada masa hadapan, prospek pertumbuhan global dan domestik serta tekanan kos akan kekal sebagai pendorong utama risiko kredit dalam tempoh terdekat manakala kesan peralihan iklim dan risiko fizikal terhadap sektor perniagaan menimbulkan risiko jangka panjang terhadap sektor kewangan. Bank-bank kekal berwaspada terhadap risiko ini dan mengambil langkah pengukuhan amalan pengurusan risiko iklim dan menyokong keperluan pembiayaan perniagaan semasa peralihan.

Keadaan pendapatan dan pasaran pekerjaan yang bertambah baik telah membantu mengekalkan daya tahan keseluruhan isi rumah dalam keadaan kadar pengembangan pemberian pinjaman isi rumah yang lebih cepat. Nilai agregat aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang isi rumah. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) kekal stabil pada 1.5 kali berikutan pertumbuhan kredit yang terus sejajar dengan pendapatan isi rumah. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang juga kekal kukuh, termasuk nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) berhemat bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan pinjaman isi rumah terkumpul (median: masing-masing 43% dan 37%). Tinjauan tentang pinjaman berkadar terapung baharu yang diberikan oleh bank-bank ketika Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan, iaitu 1.75% mengesahkan bahawa pinjaman ini terus dibayar balik tepat pada masanya meskipun selepas kenaikan OPR yang berturut-turut. Hal ini menunjukkan bahawa bank-bank terus mematuhi standard pinjaman yang mantap pada tempoh ini. Secara amnya, peminjam isi rumah dijangka mampu bertahan dengan kenaikan kos pinjaman, selaras dengan tinjauan lalu yang dijalankan oleh Bank yang menunjukkan bahawa keupayaan membayar balik hutang isi rumah lebih terjejas disebabkan oleh kejutan pendapatan dan pekerjaan berbanding dengan kos pinjaman. Dalam segmen isi rumah berpendapatan rendah, sebahagian besar akaun pinjaman adalah pada terma kadar tetap yang tidak terkesan dengan perubahan OPR, lantas mengurangkan risiko kredit.

Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 oleh bank-bank telah menurun selanjutnya kepada 6.7% (Jun 2022 : 8.0%) kerana lebih ramai peminjam telah keluar daripada program bantuan bayaran balik dan menamatkan tempoh pemantauan minimum selama enam bulan untuk bayaran balik pinjaman. Pada masa hadapan, nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen isi rumah dijangka kembali normal kepada tahap sebelum pandemik apabila program bantuan bayaran balik secara meluas dihentikan secara beransur-ansur. Secara keseluruhan, trend kualiti aset isi rumah setakat ini berkembang seperti jangkaan awal bank-bank. Keadaan ini juga menyokong keupayaan dan kesediaan bank-bank untuk terus menyediakan bantuan bayaran balik khusus kepada peminjam yang masih memerlukannya.

Bank-bank di Malaysia terus mengekalkan penampan mudah tunai yang kukuh yang melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Pada peringkat keseluruhan sistem, nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan nisbah Pendanaan Stabil Bersih kekal kukuh, masing-masing pada 154.0% dan 118.2%. Keadaan ini telah membolehkan bank-bank menyokong aktiviti pemberian pinjaman. Pada masa yang sama, keadaan ini juga menyediakan penampan terhadap kesan kenaikan kadar faedah pada aset mudah tunai yang berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) yang disimpan untuk memenuhi keperluan mudah tunai dan kejutan mudah tunai lain. Risiko mudah tunai dan pendanaan yang berkaitan dengan dedahan bank-bank kepada pendeposit besar, yang secara amnya lebih sensitif terhadap pergerakan kadar, kekal terurus walaupun terdapat beberapa tekanan menaik pada kadar antara bank. Sebahagian besar (80%) daripada HQLA bank-bank adalah dalam bentuk penempatan dengan Bank atau pemegangan bon kerajaan yang boleh dicagarkan dalam pasaran antara bank atau dengan Bank untuk mendapatkan mudah tunai tambahan di bawah kemudahan tetap yang sedia ada dan Kemudahan Mudah Tunai Keterikatan Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF).[1] Penumpuan deposit yang besar bersama-sama dengan penampan modal yang rendah boleh meningkatkan kelemahan dengan ketara terhadap pengeluaran deposit secara besar-besaran. Namun, hal ini tidak diperhatikan dalam kalangan bank-bank di Malaysia pada masa ini.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh. Nisbah jumlah modal sistem perbankan berada pada 18.8% pada akhir tahun 2022, dengan penampan modal sebanyak RM134.8 bilion melebihi tahap pengawalseliaan minimum. Peningkatan keuntungan dan strategi pemuliharaan modal yang dikekalkan oleh kebanyakan bank-bank akan mengukuhkan lagi keupayaan bank-bank untuk menyokong pengantaraan dan menyerap kerugian yang tidak dijangka. Kos kredit telah mula kembali kepada paras sebelum pandemik dan dijangka akan terus menurun apabila bank-bank mula memasuk kira semula (*write back*) beberapa peruntukan pertimbangan pengurusan yang berkaitan pandemik. Keadaan

[1] RCLF telah diperkenalkan oleh Bank pada tahun 2016 untuk membolehkan bank-bank mencapai mudah tunai untuk tempoh lebih daripada satu bulan daripada Bank. Bank-bank yang berhasrat untuk menggunakan RCLF akan dikenakan kadar kemudahan tetap dan dikehendaki menetapkan sekumpulan sekuriti layak tidak terhalang yang mencukupi untuk menyokong jumlah saiz RCLF.

ini akan memberikan sokongan tambahan kepada pendapatan dan modal bank-bank pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, bank-bank kekal berwaspada terhadap risiko kelemahan. Keadaan ini mungkin timbul daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dan peningkatan tekanan kos yang menjejaskan prestasi pinjaman serta volatiliti pasaran kewangan yang meningkat.

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat sebanyak 226% dan lebihan penampan modal sebanyak RM37.5 bilion melebihi tahap pengawalseliaan minimum pada bulan Disember 2022. Keuntungan keseluruhan bagi dana insurans dan takaful bertambah baik berikutan pulangan pelaburan yang lebih tinggi. Hal ini membantu mengimbangi pembayaran tuntutan perubatan yang lebih tinggi. Sektor insurans dan takaful am juga menunjukkan prestasi yang lebih baik, sebahagiannya disebabkan oleh ketiadaan tuntutan besar yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022 akibat banjir teruk pada akhir tahun 2021. Pada masa hadapan, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operator*, ITO) akan terus terdedah kepada volatiliti pasaran kewangan yang ketara memandangkan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang besar. Pengalaman tuntutan dalam segmen perubatan dan motor yang terus kembali normal, serta peningkatan kekerapan dan keterukan peristiwa fizikal seperti banjir, akan memberikan kesan terhadap prestasi ITO pada masa akan datang. Permodalan yang kukuh dan pengaturan insurans semula yang mantap kekal penting bagi memastikan bahawa ITO dilindungi secukupnya untuk menghadapi risiko yang berkaitan dengan perkembangan tersebut.

Ujian tekanan makro dan mikro terkini yang dijalankan oleh Bank, yang menggabungkan faktor tekanan yang diperkukuh dan faktor tekanan tambahan, terus mengesahkan daya tahan institusi kewangan terhadap kerugian yang tidak dijangka daripada kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Nisbah modal agregat selepas kejutan bagi bank (16.3%), penanggung insurans hayat (164%) dan penanggung insurans am (211%) kekal melebihi tahap pengawalseliaan mininum pada akhir tempoh ujian tekanan (2025). Kedudukan ini akan terus menyokong keupayaan institusi kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan.

Daya tahan operasi dan siber kekal menjadi keutamaan institusi kewangan dan Bank berikutan penggunaan pendigitalan dan teknologi dalam kewangan yang meningkat. Walaupun kerugian operasi institusi kewangan kekal rendah, jumlah kes penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan telah meningkat selaras dengan trend yang diperhatikan di seluruh dunia. Sebagai tindak balas, badan-badan antarabangsa, kerajaan dan pengawalselia kewangan semakin memberikan tumpuan terhadap usaha memperkukuh keupayaan pencegahan, pertahanan, pemulihan dan tindak balas negara dan sistem kewangan terhadap jenayah kewangan siber dan penipuan. Di Malaysia dan beberapa negara lain, pusat pencegahan antipenipuan kebangsaan telah ditubuhkan. Bank dan industri kewangan terus memberikan tumpuan terhadap usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelbagai taktik penipuan dan langkah-langkah amalan siber yang baik. Secara keseluruhan, institusi kewangan terus memberikan keutamaan pada pengurusan risiko teknologi dan membuat pelaburan yang besar dalam menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat (*information technology*, IT) mereka. Langkah ini diiringi dengan usaha berterusan yang diterajui Bank untuk menjalankan latihan simulasi krisis bersama dengan industri kewangan. Hal ini bertujuan untuk menguji dan memperkukuh pelan tindak balas dan pemulihan yang sedia ada bagi mengurangkan gangguan operasi yang meluas.